

# Dr Mahathir akan maklumkan jemputan Pope kepada Kabinet

BH 25 MAY 2002

SUBANG, Jumaat – Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan memaklumkan kepada Kabinet untuk membincangkan jemputan Pope John Paul II kepadanya untuk melawat Vatican, bulan depan.

“Saya akan kemukakan kepada Kabinet dan kita akan maklumkan,” katanya kepada pemberita di pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) di sini petang ini, kembalinya dari lawatan ke Jepun dan Korea Selatan.

Di Seoul semalam, Perdana Menteri memberitahu pemberita bahawa beliau dijemput oleh Pope melawat Vatican, pusat pentadbiran bagi penganut agama Roman Katolik.

Laporan akhbar hari ini menyebut pertemuan itu mungkin berlangsung ketika lawatan Dr Mahathir ke Switzerland dan Luxembourg dari 9 hingga 12 Jun ini.

Jemputan itu atas peribadi Dr Mahathir sebagai pemimpin ulung Islam yang sederhana tetapi mempunyai penga-

ruh besar di kalangan negara Islam. Mereka dijadual antara lain membincangkan konflik Palestin-Israel.

Sementara itu, Perdana Menteri juga memberitahu, Malaysia sedang mereka bentuk dan membina satelit di Korea Selatan yang dijangka dilancarkan ke orbit menjelang akhir tahun depan.

Katanya, ia kejayaan mengagumkan negara kerana 16 jurutera Malaysia sedang mereka bentuk satelit itu di Korea.

Ketika di Seoul, Dr Mahathir melawat LG Chemical Investment dan Satellite Technology Research Centre Initiative, kedua-duanya di Daejeon serta Pusat Penyelidikan dan Pembangunan Hyundai Motor di Gyeonggi-do.

“Mereka (jurutera Malaysia) memberi taklimat kepada saya dan nampak jelas sekali mereka cekap bahkan pihak Korea memberitahu saya bahawa jurutera dari Malaysia ini memang tinggi kebolehan mereka, termasuk banyak juru-

tera wanita,” katanya.

Ditanya perkembangan lain, Dr Mahathir menyangkal dakwaan konon beliau tidak lagi mahu Datuk Seri Dr Ling Liong Sik menerajui MCA, parti kedua terbesar selepas Umno.

“Saya tidak pernah kata apa-apa mengenai perkara ini. Saya benar-benar berkecuali dalam hal ini,” katanya.

Pengerusi Barisan Nasional (BN) itu berkata, beliau menyerahkan kepada anggota MCA untuk menentukan kepemimpinan parti mereka.

Dr Mahathir berkata, khabar angin konon beliau tidak suka kepada Dr Ling mungkin disebarkan mereka yang mempunyai tujuan tidak baik.

“Mungkin ada orang yang niat tak baik kot....saya tidak tahu kenapa nak kata pasal itu,” katanya.

Perdana Menteri berkata, walaupun beliau mengemukakan rancangan kedamaian untuk dua puak yang bertelagah dalam MCA baru-baru ini, ia terpujang kepada ahli parti itu

untuk menerima atau tidak.

Mengenai kekosongan satu jawatan Menteri berikutan tempoh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Pandikar Amin Mulia sebagai Ahli Dewan Negara tamat Ahad lalu, Dr Mahathir secara berseoroh berkata:

“Ada dua kekosongan...satu Menteri Kewangan. Kalau ada sesiapa yang berminat, boleh bagi tahu, ada borang (permohonan).”

Beliau berkata, kerajaan bersedia melaksanakan apa saja sistem yang difikirkan sesuai dan wajar bagi kemasukan pelajar ke institusi pengajian tinggi awam (IPTA).

“Kita akan dengar pendapat rakyat bagi mengetahui apa sebenarnya yang mereka mahu. Jika mereka mahu hanya (kelulusan) STPM (untuk masuk IPTA), kita akan bersetuju.

“Jika ada perbalahan pendapat mereka, kita akan membuat keputusan,” katanya.

Ditanya mengenai konflik antara India dan Pakistan yang

mungkin membawa kepada peperangan, Perdana Menteri berkata beliau berpendapat kedua-dua negara berkenaan akan sentiasa berada di ambang peperangan yang berpunca daripada Kashmir melainkan masalah itu dapat diselesaikan secara muktamad.

Katanya, perkara itu sepatutnya dibawa kepada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) untuk diselesaikan.

“Masalah pertikaian antara negara-negara termasuk Palestin dan Israel perlu diselesaikan oleh PBB,” katanya.

Menjawab soalan lain, beliau berkata, Malaysia mungkin membeli bon Euro Lubnan untuk melanggan sebahagian daripada terbitan bon itu oleh pihak Lubnan selepas pertimbangan teliti dibuat.

Bagaimanapun, katanya, ia bergantung kepada Bank Negara Malaysia sama ada pembelian itu memberi pulang yang baik dan yakin bank pusat itu akan membuat keputusan bijak.